

# **PERSEDIAAN MENGHADAPI PEPERIKSAAN: SÀTU PENDEKATAN**

**oleh**

**AZMAN TAHER**

## 1.0 PENDAHULUAN

Setiap institusi pendidikan menggunakan prestasi peperiksaan sebagai kriteria utama dalam mengukur pencapaian pelajar-pelajarnya. Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menggunakan sistem agregat manakala Institut Teknologi MARA (ITM), umpamanya, menggunakan kaedah Purata Nilaian Gred atau lebih dikenali sebagai "Grade Point Average (GPA)" dalam menilai kecemerlangan atau sebaliknya pelajar-pelajar. Sebagai contoh, *Anugerah Cemerlang Pengarah* ditakrifkan sebagai:-

*Anugerah Cemerlang Pengarah adalah anugerah kepujian kepada pelajar yang tamat kursus dan berjaya memperolehi Purata Nilai Gred (PNG) 3.50 atau lebih bagi tiap-tiap semester dengan syarat ia tidak pernah mengulangi mana-mana mata pelajaran. Jika pelajar menjalani Latihan Amali selama satu semester dan diberi gred Lulus/Gagal, semester berkenaan tidak diambil kira untuk anugerah ini.*

Sehubungan dengan isu ini, ahli-ahli akademik bersepakat bahawa pencapaian akademik tidak boleh digunakan sebagai pengukur tunggal dalam memperakui kecemerlangan seseorang pelajar. Salah satu isu yang telah diperdebatkan semasa Konferensi Akademik ITM yang telah berlangsung pada 13hb. September 1990 bertempat di ITM Cawangan Johor, Segamat ialah menghasilkan graduan-graduan yang seimbang - cemerlang dalam pencapaian akademik serta cemerlang dalam aktiviti kurikulum. Betapapun, tidak dinafikan bahawa pencapaian akademik atau khususnya pencapaian pelajar dalam peperiksaan masih digunakan sebagai "kunci" kecemerlangan pelajar.

## 2.0 TAKRIF PEPERIKSAAN

Mengikut Peraturan Akademik ITM yang berkuatkuasa mulai semester Julai 1988, peperiksaan ditakrifkan sebagai:-

*Periksaan termasuklah sebarang tugas, kerja-kerja bertulis atau kerja-kerja amali yang dikehendaki seseorang pelajar membuatnya dan ini akan diambil kira untuk menilai keputusan akhir dalam satu-satu matapelajaran.*

Pada dasarnya, tujuan peperiksaan diberikan ialah untuk menilai sejauh mana pengetahuan atau menilai keupayaan intelektual pelajar dan bukan menguji apa yang pelajar tidak tahu. Maka, peperiksaan yang diberikan mesti mampu mengukur perkembangan pelajar-pelajar dari segi pengetahuan dan kefahaman serta berupaya menilai kebolehan pelajar-pelajar itu sendiri.

Jika dilihat dari aspek pengurusan, peperiksaan yang diberikan boleh dianggap

sebagai satu mekanisma yang mengawal perjalanan serta perlaksanaan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang oleh pensyarah berkenaan dalam mencapai objektif-objektif tertentu. Perlu diambil kira bahawa mekanisma pengawasan (peperiksaan) ini mempunyai hubungan dua hala antara pensyarah dan pelajar. Dalam ertikata yang lain, bukan sahaja pensyarah perlu meneliti hasil dari peperiksaan yang diberikan, tetapi yang lebih penting ialah penilaian pelajar terhadap dirinya sendiri terhadap keputusan peperiksaan yang dicapainya.

### 3.0 SISTEM PENILAIAN DI ITM

Sistem penilaian di ITM agak unik kerana ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu penilaian kursus dan peperiksaan akhir. Umpamanya, matapelajaran-matapelajaran Sains Komputer terbahagi kepada 40% dari kerja kursus dan 60% dari peperiksaan akhir. Pecahan lebih lanjut adalah sepeti berikut:-

Kerja kursus	:	
Ujian	:	20%
Kuiz	:	10%
Tugasan	:	10%
Peperiksaan akhir	:	60%
Jumlah	:	100%

### 4.0 MENGAPA MENDUDUKI PEPERIKSAAN?

Apabila soalan "engapa kita menduduki peperiksaan?" ditujukan kepada pelajar-pelajar, rata-rata mengatakan "untuk mendapatkan diploma" atau "untuk memenuhi syarat kursus" atau "untuk menguji pengetahuan mereka". Tetapi sekiranya soalan yang sama ditujukan kepada saya, dengan mudah saya menjawab "untuk menjawab soalan yang dikemukakan dengan sebaik mungkin". Kerana, jika tujuan kita mengambil peperiksaan ialah untuk mendapatkan diploma atau memenuhi syarat kursus maka hanya lulus dalam matapelajaran berkenaan adalah memadai. Justeru itu, pencapaian keseluruhan yang bakal diperolehi adalah amat sederhana. Sebaliknya, jika tujuan kita menduduki peperiksaan ialah untuk menjawab soalan dengan sebaik mungkin, maka kita akan berikhtiar untuk mencari satu pendekatan dalam menghadapi peperiksaan yang berkesan supaya dapat bersiap-sedia apabila berdepan dengan cabaran-cabaran peperiksaan.

Sistem semester (empat bulan dalam satu semester) di ITM sebenarnya adalah satu jangkamasa yang pendek. Oleh itu persiapan kita untuk menghadapi peperiksaan bukanlah bermula pada bulan terakhir sebelum peperiksaan tetapi, bermula dari hari pertama semester. Jadi, kita mesti merancang awal-awal lagi supaya kita tidak diperangkap oleh masa kemudian.

## DILEMA PELAJAR-PELAJAR

Pelajar-pelajar sering dalam keadaan dilema apabila menduduki peperiksaan. Soalan-soalan yang mudah disangkakan susah. Soalan-soalan yang sebelumnya dianggap "kacang putih" tidak dapat diselesaikan. Apabila dalam keadaan sebegini, pelajar mula menjawab soalan tanpa sebarang tujuan atau arah. Ada juga kes dimana pelajar pengsan dalam bilik peperiksaan. Kadang-kala ada juga insiden dimana pelajar-pelajar tiba-tiba terlupa segalanya. Fenomena ini sering distilahkan sebagai "black-out". Selain dari "black-out" fenomena yang selalu melanda pelajar-pelajar semasa musim peperiksaan ialah "burn-out" dimana pelajar-pelajar rasa tidak terdorong untuk terus berusaha kerana mereka hilang "stamina" untuk meneruskan perjuangan. Pada hemat saya, perkara seperti ini berlaku kerana persiapan yang tidak mencukupi atau terlalu bergantung pada "last minute cramming".

## PENDEKATAN

Untuk mengelakkan diri kita dari dilanda oleh krisis "black-out" atau "burn-out", adalah perlu untuk kita merancang serta menyusun kaedah pembelajaran yang sesuai untuk kita. Sebelum kita dapat membentuk satu kaedah yang sesuai, perlu kita mengambil kira beberapa aspek:-

- i) format soalan.
- ii) memahami soalan.
- iii) model (cadangan).

### 6.1 Format Soalan

Jika dikaji dengan lebih mendalam sesuatu peperiksaan, akan terdapat tiga jenis soalan:-

- a) Soalan mudah

Soalan ini selalunya menguji daya ingat seseorang.

Sebagai contoh soalan seperti.....

"Berikan takrif pengurusan."

atau

"Berikan dua kaedah perwakilan algoritm."

Biasanya pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah yang ketara ketika menjawab soalan seperti ini kerana pelajar hanyalah perlu meluahkan apa yang telah diberikan semasa kuliah.

b) Soalan sederhana

Soalan-soalan dalam kategori ini bertujuan untuk menguji kefahaman serta keupayaan pelajar menggunakan konsep mudah yang telah dibincangkan dalam kuliah.

Sebagai contoh:-

"berikan dua perbezaan di antara teori proses dan teori kandungan mengenai dorongan."

atau

Tuliskan aturcara dengan menggunakan "Define function" untuk menilai fungsi di bawah

$$r = \begin{cases} \sqrt{b^2 - 4ac} & \text{jika } b^2 > 4ac \\ \sqrt{4ac - b^2} & \text{jika } b^2 < 4ac \end{cases}$$

Soalan-soalan seperti di atas bukanlah mudah, tetapi tidaklah susah dalam ertikata yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar yang "lemah" akan menghadapi masalah manakala pelajar-pelajar yang mempunyai keupayaan yang sederhana akan mula terasa tertekan tetapi masih dapat menyelesaikannya walaupun mengambil masa yang agak panjang. Pelajar-pelajar yang cemerlang sepatutnya tidak menghadapi masalah.

c) Soalan susah

Soalan-soalan dalam kategori ini dianggap susah kerana ia bertujuan menguji:

- i) daya ingat
- ii) kefahaman
- iii) penggunaan konsep/teori
- iv) keupayaan kritikal
- v) keupayaan analitikal.

Keupayaan kritikal ialah keupayaan memilih kaedah atau metod terbaik untuk menyelesaikan masalah yang ada, manakala keupayaan analitikal pula ialah keupayaan dari sudut matematikal dan saintifik dalam menyelesaikan masalah. Keupayaan-keupayaan tersebut adalah merupakan pra-syarat utama untuk melayakkan seseorang pelajar digelar pelajar cemerlang dalam peperiksannya.

Antara contoh soalan susah adalah seperti berikut:

**Contoh 1:**

Pendapatan bulanan bagi seorang jurujual Syarikat Awwal Electronics dikira berdasarkan gaji asas bulanannya, jumlah jam lebih masa (overtime) yang dibuat dalam satu bulan serta komisyen ke atas barang-barang jualannya dalam bulan tersebut, dimana

$$\text{Elaun lebih masa} = \text{jam lebih masa} \times 1/16$$

Komisyen ke atas jualan adalah peratus dari harga barang yang dijual; dan berdasarkan jadual berikut:

Harga Barang	Komisyen
Kurang dari \$200	2%
\$200 - \$999.99	4%
\$1000 - \$2999.99	5.5%
\$3000 ke atas	7%

Contohnya, jika seorang jurujual mempunyai gaji \$400, bekerja lebih masa sebanyak 4 jam, dan menjual barang-barang yang berharga \$100 dan \$400, maka jumlah pendapatannya untuk bulan tersebut ialah:

$$\begin{aligned}\text{Elaun lebih masa} &= 4 \times 400 \times 1/16 \\ &= 100\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah komisyen} &= 100 \times 2\% + 400 \times 4\% \\ &= 18\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah pendapatan} &= 400 + 100 + 18 \\ &= 518\end{aligned}$$

Tuliskan (a) algoritma (b) aturcara Pascal untuk mengira jumlah pendapatan seorang jurujual jika bilangan barang yang dijual serta harga setiap barang merupakan input. Perhatikan bahawa setiap jurujual hanya layak menerima tuntutan elaun lebih masa tidak lebih daripada 50 jam sebulan.

Contoh 2:



Based on the above comic strip, discuss the leadership approach that was used to select the candidate for leadership school.

Contoh 3:

Tuliskan program BASIC yang menyimpan data di dalam tatasusun satu dimensi. Tatasusun itu boleh menyimpan 10 nilai. Program akan membaca dua angka. Angka pertama disimpan pada ruang pertama dan nombor kedua pada ruang kedua. Di ruang ketiga dan seterusnya mestilah menyimpan jumlah angka-angka di ruang sebelumnya, iaitu contohnya di ruang ketiga ialah jumlah angka di ruang pertama dan kedua.

Contoh: Jika input ialah angka 3 dan 2, maka kandungan tatasusun adalah seperti berikut:

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
3	2	5	10	20	40	80	160	320	640


Nilai kesemua angka hendaklah dicetak.

(Nota: Jangan gunakan pernyataan READ di dalam program anda)

Masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam menjawab soalan-soalan susah amat ketara. Pelajar-pelajar pada umumnya gagal untuk mentakrifkan keperluan soalan dan seterusnya mencari kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan berkesan.


## 7.0 MEMAHAMI SOALAN - FOKUS KEPADA SOALAN SUSAH

Memahami soalan terutamanya soalan susah bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Ianya memerlukan satu tahap kemahiran atau kelekapan yang sukar untuk dilatih. Apabila kita membaca soalan buat pertama kalinya ianya seolah-olah satu objek yang tidak berbentuk. Tugas kita ialah untuk menukar objek (soalan) yang tidak berbentuk tadi kepada satu objek yang mempunyai satu bentuk yang khusus supaya senang untuk kita fahami. Disinilah kefahaman memainkan peranan yang penting.




ILLUSTRASI 1 : MEMAHAMI SOALAN

Setelah soalan tadi dibentuk menjadi satu objek yang difahami, tugas kita yang seterusnya ialah untuk memecahkan masalah yang kita hadapi kepada masalah-masalah yang kecil untuk memudahkan penyelesaiannya. Penyelesaian masalah-masalah ini akan menyumbang ke arah penyelesaian masalah asal. Pendekatan ini dipanggil Pendekatan Atas ke Bawah (Top-Down Approach). Perhatikan rajah di bawah.



RAJAH 1: PENDEKATAN ATAS KE BAWAH

## MASALAH ASAL



$$\text{PENYELESAIAN TOTAL} = \boxed{\dots} + \boxed{\text{XXX}} + \boxed{\text{---}} + \boxed{\ast\ast\ast}$$

### ILLUSTRASI 2 : PENYELESAIAN TOTAL

Di pringkat memecahkan masalah asal kepada masalah yang kecil inilah memerlukan daya kritis dan daya analitikal yang tinggi. Tanpa daya kritis dan daya analitikal yang mencukupi, pelajar tidak akan dapat menyelesaikan masalah dengan berkesan walaupun soalan telah ditakrifkan. Untuk meillustrasikan maksud di atas cuba kita lihat contoh di bawah.

Contoh:

Diberikan siri:-

$$3a - \frac{4a^2}{4} + \frac{5a}{9} - \frac{6a^2}{16} + \frac{7a}{25}$$

Cari hasil jumlah untuk 30 sebutan pertama untuk siri di atas. a dimasukkan oleh pengguna sebagai input.

### 7.1 Kaedah Penyelesaian

#### 7.1.1 Langkah 1 : Mentakrifkan soalan

Sekali imbas, soalan di atas menimbulkan keraguan, kekeliruan dan seribu-satu macam pertanyaan. Tetapi setelah diperhatikan, kita faham bahawa untuk mendapatkan hasil jumlah 30 sebutan pertama siri di atas, kita perlu selesaikan setiap unsur terlebih dahulu.

### **7.1.2 Langkah 2 : Pendekatan Atas ke Bawah.**

Secara kritikal, jika dilihat dengan lebih dekat, ada beberapa soalan yang perlu dijawab terlebih dahulu iaitu:-

- i) Bagaimana untuk menentukan nilai koefisyen a. Sekali lagi, a ialah satu nilai pemalar yang ditentukan oleh pengguna.
- ii) Bagaimana untuk menentukan penyebut setiap unsur.
- iii) Bagaimana untuk menentukan sama ada untuk memberikan kuasa dua pada a atau tidak.
- iv) Bagaimana untuk menentukan "sign" untuk setiap unsur; sama ada positif atau negatif.

Dengan bertanyakan soalan-soalan di atas, kita dengan sendirinya telah memecahkan masalah yang besar tadi kepada masalah-masalah yang kecil. Tujuannya ialah untuk memudahkan kita menyelesaikan masalah yang kita hadapi.

Untuk menjawab soalan-soalan di atas, pelajar pula memerlukan daya analitikal iaitu menggunakan konsep-konsep matematikal dan saintifik untuk menyelesaikan masalah-masalah kecil tadi.

#### **7.1.2.1 Sub-soalan 1 : Bagaimana untuk menentukan koefisyen a**

Nilai koefisyen bermula dengan 3 dan seterusnya ditambah 1 urutk mendapatkan koefisyen yang seterusnya. Jadi, koefisyen a ialah 3,4,5,6,7,.....

Walau bagaimanapun, jika n mewakili giliran sebutan iaitu  $n = \{1,2,3,4,5,6,....\}$  maka, jika n berakhir pada nilai 30 (30 sebutan pertama), jadi  $n = \{1,2,3,....,30\}$ . Seterusnya, jika k mewakili nilai koefisyen maka  $k = n + 2$ . Bermakna, jika  $n = 1$  (untuk sebutan pertama) maka,

$$k = 1 + 2 = 3$$

jika  $n = 2$  (sebutan kedua)

$$k = 2 + 2 = 4.$$

Penyelesaian 1 : Untuk menentukan koefisyen a, kita akan menggunakan formula  $k = n + 2$ .

### **7.1.2.2 Sub-soalan 2 : Bagaimana untuk menentukan penyebut setiap unsur.**

Kita lihat bahawa nilai penyebut berubah dalam cara yang agak pelik sebenarnya mudah untuk ditakrifkan iaitu kuasa dua pada giliran sebutan n. Jika p mewakili penyebut, jadi;

jika  $n = 1$ , maka  $p = 1^2 = 1$

jika  $n = 2$ , maka  $p = 2^2 = 4$

jika  $n = 3$ , maka  $p = 3^2 = 9$

jika  $n = 30$ , maka  $p = 30^2 = 900$

Penyelesaian 2 : untuk menentukan penyebut setiap unsur, kita gunakan formula  $p = n^2$ .

### **7.1.2.3 Sub-soalan 3 : Bagaimana untuk menentukan sama ada untuk memberi kuasa dua pada a atau tidak.**

Kita dapati kuasa dua pada a telah diselang-selikan (alternate). Secara matematikal, ianya ditentukan dengan melihat nilai penyebutnya. Jika penyebutnya ganjil, maka a tidak akan diberikan kuasa dua. Sebaliknya, jika nilai penyebutnya genap, maka a akan diberikan kuasa dua.

Untuk menentukan sama ada sesuatu nombor itu genap atau ganjil, cara yang mudah (walau terdapat cara-cara lain) ialah dengan membahagikannya dengan dua. jika terdapat baki hasil dari pembahagian tersebut, maka nombor berkenaan ialah ganjil. Jika tidak terdapat sebarang baki, maka nombor berkenaan ialah genap.

Contoh:

i)  $3/2 = 1$  baki 1

Ini adalah benar kerana 3 ialah nombor ganjil.

ii)  $4/2 = 2$  baki 0

Ini adalah benar kerana 4 ialah nombor genap.

Penyelesaian 3 : Jika penyebut (p) dibahagi 2 mempunyai baki maka, a akan diganda-duakan. Sebaliknya jika p dibahagi 2 tidak mempunyai baki nilai a tidak berubah.

#### 7.1.2.4 Bagaimana untuk menentukan "sign" untuk setiap unsur; sama ada positif atau negatif

Untuk "sign", kita sekali lagi menggunakan konsep ganjil atau genap. Jika penyebutnya ganjil, maka "sign" yang mesti diberikan ialah positif. Sebaliknya, jika penyebutnya genap, maka "sign"nya ialah negatif.

Penyelesaian 4 : "Sign" positif atau negatif diberikan kepada setiap unsur bergantung pada sama ada nilai penyebutnya ialah ganjil atau genap.

### 7.2 Penyelesaian Total.

Merujuk kepada rajah 1 dan illustrasi 2, penyelesaian total ialah dengan menggabungkan penyelesaian-penyelesaian untuk masalah-masalah kecil. Jadi, penyelesaian total untuk contoh yang diberikan ialah Penyelesaian 1 + Penyelesaian 2 + Penyelesaian 3 + Penyelesaian 4. Di bawah ialah satu algoritm (kaedah) untuk menyelesaikan masalah yang dimaksudkan.

MULA.

MASUKKAN NILAI a

SELAGI NILAI n KURANG DARI 30

$$k = n + 2 \longrightarrow \text{(PENYELESAIAN 1)}$$

$$p = n * n \longrightarrow \text{(PENYELESAIAN 2)}$$

JIKA P/2 TIDAK MEMPUNYAI BAKI, MAKA

$$x = a * a$$

$$\text{JUMLAH} = \text{JUMLAH} - [(k * x)/P]$$

JIKA TIDAK,

$$\text{JUMLAH} = \text{JUMLAH} + [(k * a)/P]$$

TAMAT-JIKA.

PENYELESAIAN 3  
DAN  
PENYELESAIAN 4

CAMPURKAN 1 PADA n; n = n + 1

TAMAT - SELAGI

CETAK NILAI JUMLAH

TAMAT.

NOTA:

x - mewakili nilai hasil ganda dua a.

JUMLAH - mewakili hasil jumlah 30 sebutan pertama


n - giliran sebutan

## 8.0 MODEL

Bagaimana seseorang pelajar bersedia menghadapi peperiksaan berbeda dari satu individu ke satu individu yang lain. Masing-masing mempunyai pendirian masing-masing. Ada yang mengatakan "study smart not study hard" dan ada juga mengatakan "study like slow rock but score like heavy metal". Saya pula mengibaratkan persediaan seseorang pelajar menghadapi peperiksaan seperti seorang atlit bersedia untuk menghadapi satu pertandingan yang besar.

Dengan penelitian dan pengawasan dari jurulatihnya seorang atlit perlu merangka satu program latihan yang sistematik supaya apabila sampai masanya untuk dia bertanding, dia sudah bersedia untuk memberikan prestasi yang terbaik. Begitu juga dengan seorang pelajar. Dengan pengawasan dari pensyarahnya, seorang pelajar perlu merangka satu program pembelajaran yang sistematik supaya apabila sampai kepada musim peperiksaan dia sudah bersiap-sedia menghadapi segala cabaran dan kemungkinan. Ini dipanggil sebagai proses penyesuaian atau "conditioning". Proses ini akan mengurangkan tekanan (stress) kepada para pelajar dan seterusnya menghindarkan dari berlakunya "Black-out" atau "burn-out" seperti mana yang telah dikatakan di permulaan artikel ini.

Sistem semester yang diamalkan di ITM lazimnya mempunyai empat bulan untuk menamatkan segala kerja kursus. Oleh itu, kita perlu merancang program pembelajaran kita selaras dengan jangka masa yang diperuntukkan. Model yang ingin saya ketengahkan ialah seperti berikutnya:-




RAJAH 3 : RANGKA KERJA DALAM SATU SEMESTER

Dalam bulan pertama dan kedua, pelajar haruslah menumpukan pada pembacaan atau apa jua aktiviti yang boleh menambah kefahaman. Jadi, aktiviti menjawab soalan hanyalah sekadar untuk menguji kefahaman.

“Break” haruslah digunakan oleh pelajar untuk menilai perkembangan dirinya relatif pada matapelajaran yang diambilnya. Jika beliau menilai dirinya sebagai lemah, maka pelajar mestilah berikhtiar untuk mempergunakan segala kemudahan yang ada di kampus untuk mengaatas masalahnya.


Bulan ketiga dan keempat pula, aktiviti membaca mula dikurangkan. Pelajar dianggap telah dapat menyesuaikan (adapt) diri dengan matapelajaran berkenaan. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna pelajar tidak membaca langsung. Tumpuan harus diberikan kepada menjawab soalan; sama ada soalan-soalan latihan, soalan-soalan ramalan atau soalan-soalan dari pepeiksaan-peperiksaan silam. Ini bukan saja dapat menguji kefahaman tetapi dapat melatih penggunaan konsep, teori serta dapat menajamkan daya ingat, daya kritikal dan daya analitikal. Lantas, apabila sampai kepada musim peperiksaan akhir, pelajar sudah bersedia dan tak perlu untuk berjaga hingga dinihari sehingga menjaskan kesihatan. Rujuk kepada rajah 4 untuk gambaran yang lebih jelas.

Pelajar mestilah bersikap serius dan berdisiplin untuk menjayakan model ini. Malah, model ini sesuai untuk semua matapelajaran, bukan sahaja matapelajaran teknikal. InsyaAllah.



**Rajah 4 : Membahagikan masa antara aktiviti membaca dan menjawab soalan untuk jangkamasa satu semester**

## PENUTUP



Rajah 5 : Usaha - satu kitaran yang berterusan

Setiap usaha yang berlandaskan pada kaedah yang sistematik dan teratur mesti berteraskan cita-cita dan seterusnya lahirlah matlamat atau objektif. Sekiranya kita gagal untuk mencapai objektif yang diinginkan maka kita perlu berpatah-balik untuk mengkaji kaedah yang telah digunakan. Mungkin kita telah tersalah hitung, lantas kaedah asal yang kita bentuk perlu pengubahsuaian. Jika kita berjaya, seharusnya kita pertingkatkan harapan untuk mencapai objektif yang lebih tinggi untuk memberi semangat dan nafas baru kepada perjuangan kita.

Semua manusia yang rasional inginkan kejayaan. Manusia yang tidak inginkan kejayaan adalah manusia yang tidak mempunyai cita-cita, tidak mempunyai aspirasi dan tidak mempunyai tujuan. Walau bagaimanapun, dalam apa jua usaha kita, tidak boleh dilupakan Qada' dan Qadar, Qudrat dan Iradat Illahi. Kita hanya dapat merancang dan berikhtiar; Tuhan yang menentukan segalanya. Yang memberikan kejayaan usaha ikhtiar itu adalah Allah SWT, bukan kita atau bukan usaha ikhtiar itu menghasilkan kejayaan.

Segala yang baik itu datangnya dari Allah SWT dan segala yang buruk itu datang dari kelemahan saya sebagai manusia.

## **RUJUKAN**

1. *Sankaran Ramanathan, Zohra Ibrahim, Hubungan Di antara kelayakkan Masuk dan Pencapaian Akademik, Konferensi Akademik Institut Teknologi MARA, Sept. 1990.*
2. *R. Udaya Banu, Strategy to Produce Balanced Graduates, Konferensi Akademik, Institut Teknologi MARA, Sept.1990.*
3. *A Rahim Selamat, Belajar Cara Belajar, Nurin Enterprise, 1990.*

**Sabda Rasulullah;**

'Berkeadaan elok, bertenang dan bersederhana adalah sebahagian daripada 24 bahagian kenabian.'

(At-Tarmizi)

**Rasulullah bersabda;**

'Tuhan tidak menurunkan satu-satu penyakit melainkan diturunkan bersamanya ubat.'

(Al-Bukhari)

**Sabda Rasulullah;**

'Sebaik-baik kamu ialah orang yang membela kaum kerabatnya selagi dengan perbuatannya itu ia tidak melakukan dosa.'

(Abu Daud)

**Sabda Rasulullah S.A.W. Maksudnya;**

'Senyumanmu terhadap saudaramu adalah suatu sedekah, suruhanmu supaya orang berbuat baik dan menegalinya dari perbuatan keji juga sedekah dan petunjukmu kepada orang yang sesat jalan juga sedekah.'

(Al-Bukhari)

Sabda Rasulullah maksudnya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah kemulian seseorang itu ialah ugamanya, maruahnya ialah akalnya dan ketinggian darjatnya ialah akhlaknya.'

(Abu-Hurairah)